

## **POLITIK ETNIKISME: KAJIAN TERHADAP PARTI USNO ERA 1967-1985**

*The Politics of Ethnicism: A Study of The Usno Party in The 1967-1985 Era*

**Mohammad Aljar Najar<sup>1</sup>**

**Afrina Shafri Khan<sup>2</sup>**

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

<sup>1</sup>*Mohdaljar90@gmail.com*

<sup>2</sup>*Afrinashafrihan@gmail.com*

*Dihantar:27 Mei 2024 / Diterima:11 Sept. 2024 / Terbit:31 Disember 2024*

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji politik etnikisme khususnya oleh parti USNO (Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu) sepanjang tahun 1967 sehingga 1985. Kajian terhadap politik etnikisme USNO ini merangkumi tiga elemen atau komponen penting dalam proses pengukuhan politik etnik dan bagaimana komponen tersebut mampu dicabar oleh kemunculan persoalan sosioekonomi. Kaedah kajian yang digunakan merangkumi analisis terhadap sumber primer iaitu surat khabar dan rekod kerajaan serta penelitian terhadap sumber sekunder iaitu tesis, jurnal dan buku berkait. Persoalan yang dibangkitkan dalam kajian ini adalah merangkumi tiga komponen yang mengukuhkan politik etnik USNO, pencapaian politik etniknya dan cabaran serta isu yang dihadapi sepanjang pempolitikan etnik. Kajian ini juga menjelaskan bagaimana pembudayaan politik etnik oleh USNO dapat mengubah sokongan masyarakat dan kebangkitan persoalan sosioekonomi mampu mencorakkan dinamika elektoral masyarakat di Sabah.

**Kata Kunci:** USNO, Politik, Etnik

### **Abstract**

*This study aims to examine the politics of ethnicity, especially by the USNO party (United Sabah National Organization) throughout the years*

*1967 to 1985. This study of the politics of USNO ethnicity includes three important elements or components in the process of strengthening ethnic politics and how these components can be challenged by the emergence of socioeconomic issues . The research methods used include analysis of primary sources such as newspapers and government records as well as research on secondary sources such as theses, journals and related books. The questions raised in this study include three components that strengthen USNO's ethnic politics, its ethnic political achievements and the challenges and issues faced throughout ethnic politicization. This study also explains how the culturalization of ethnic politics by USNO can change community support and the rise of socioeconomic issues can shape the electoral dynamics of the community in Sabah.*

**Keywords:** USNO, Politics, Ethnic

## Pengenalan

Perkembangan awal politik Sabah dapat ditelesuri seawal era 1940-an dimana gerakan politik mula bergerak aktif melalui penubuhan persatuan dan badan-badan bersifat politik yang menterjemahkan ideologi politik mereka melalui penulisan dan aktiviti penyebaran dakwah. Parti-parti politik ini cenderung melibatkan masyarakat bumiputera Islam sabah yang memiliki agenda yang selari dengan persatuan politik bersifat pro-Islam di semenanjung Tanah Melayu, Brunei dan Indonesia. Selepas penyatuan dengan Malaysia pada tahun 1963, politik Sabah mula dicorakkan dengan kemunculan parti-parti berdasarkan etnik yang membawa aspirasi dan matlamat yang terikat dengan ikatan primodial seperti persamaan etnik, bangsa, bahasa dan agama.

Parti USNO (Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu) yang ditubuhkan oleh Tun Mustapha bin Datu Harun pada 23 Disember 1961, merupakan rentetan daripada perjuangan penduduk Islam Sabah yang sentiasa berusaha untuk menubuhkan pertubuhan yang mempunyai organisasi yang mantap dan boleh menyebar-luaskan agama Islam demi kepentingan umat Islam (Hamdan Aziz, 1976:168). Parti USNO berjaya menguasai tumpuk pentadbiran di Sabah setelah berjaya memenangi Pilihanraya Negeri Sabah pada tahun 1967 dengan berjaya menewaskan parti UPKO (*United Pasok Momogun Kadazan Organisation*) yang diterajui oleh Donald Stephen. Dengan pelantikan Tun Mustapha Harun

sebagai Ketua Menteri, pengaruh dan ideologi parti tersebut yang berlatar belakangkan agama Islam semakin menyebar di seluruh negeri sehingga menyemarakkan sokongan daripada masyarakat etnik Bajau, Suluk dan Melayu/Brunei. Dominasi parti USNO dalam pentadbiran Sabah telah memberi impak dalam perjuangan untuk menyebarluaskan fahaman agama Islam.

### **Parti USNO dan Sentimen Primodial**

Pembangunan politik di sebuah negara tidak akan terlepas dengan penggunaan konseptual seperti satu negara satu bangsa dan sentimen primordial. Ikatan primodial adalah ikatan yang berasal dari unsur-unsur bawaan yang disandarkan dari kehidupan sosial, hubungan langsung dan terutamanya hubungan kekerabatan (Asep Nurjamanr, 2021:5).

Kewujudan ikatan primodial tidak dapat dinafikan dalam hidup berkelompok terutamanya apabila kelompok tersebut berkongsi ras, etnik, bahasa dan kepercayaan malah turut melibatkan kedudukan dan autoriti yang dapat dilihat melalui hubungan *patron-client*. Menelusuri pembangunan politik parti USNO di Sabah ikatan primodial adalah asas utama yang mendasari matlamat penubuhan parti tersebut. Rentetan peristiwa sejarah dapat membuktikan bahawasanya ikatan primodial adalah asas utama yang mengikat penyokong dan membentuk perjuangan-perjuangan parti. Awal mulanya perjuangan parti USNO yang dibentuk melalui sentimen primodial berdasarkan perkembangan parti bumiputera Islam di Sabah mula meningkat berbekalkan kesedaran politik untuk menyebarluaskan literasi politik dan agama masyarakat bumiputera sewaktu Sabah belum mendapat kemerdekaan.

Kewujudan USNO dapat dianggap sebagai *successor* atau penyambung kepada parti-parti bumiputera Islam di Sabah sebelumnya. Ketika itu, perspektif Tun Mustapha sendiri setelah melihat keadaan politik Semenanjung Tanah Melayu yang dikuasai oleh etnik Melayu dan Islam jelas memperlihatkan bahawa nasionalisme yang dibentuk berdasarkan ikatan etnik dan agama yang sama adalah jalan terbaik untuk membangun sebuah kesedaran politik yang dapat menyatukan masyarakat bumiputera Islam di Sabah. Hal ini juga disandarkan dengan kebimbangannya terhadap pengaruh politik masyarakat bukan Islam di Sabah melalui parti UPKO (United Pasok-Kadazan Organisation).

Kepentingan agama dan etnik bumiputera Islam di Sabah diletakkan sebagai asas perjuangan politik USNO bukan semata-mata untuk mengimbangi pengaruh parti UPKO atau mengetengahkan suara-suara masyarakat bumiputera Islam. Ikatan primodial tersebut dijadikan tunjang perjuangan adalah disebabkan pembentukan USNO merupakan hasil gabungan beberapa buah persatuan Islam seperti PIS, PIT, PIP dan sebagainya serta badan kebudayaan dan bahasa (New Sabah News & Sabah Times, 1961). Semasa pentadbiran USNO, ikatan primodial yang dibangunkan ke dalam diri penyokongnya telah membantu USNO untuk memiliki pengaruh yang kuat berbanding parti keetnikan yang lainnya. Penerapan idea meletakkan agama rasmi negeri Sabah sebagai agama Islam, melakukan penyebaran dakwah dan islamisasi meluas melalui institusi USIA dan MUIS kepada etnik KDM, pembangunan berpusatkan masyarakat pinggir pantai serta penolakan terhadap federalisme ini kemudiannya ditonjolkan satu persatu oleh kepimpinan parti USNO. Pada akhirnya, dasar dan budaya politik berasaskan etnikisme ini telah mencetuskan penolakan, konflik dan perpindahan sokongan khususnya etnik KDM kepada pesaing parti USNO yang diperlihatkan semasa Pilihan Raya DUN 1976 dan Pilihan Raya Negeri 1985.

Meskipun kemeruduman USNO disebabkan perpindahan sokongan masyarakat daripada parti berimejkan Islam dan keetnikan kepada parti multi-etnik, namun sokongan terhadap parti USNO masih diberikan oleh golongan bumiputera Islam yang menganggap parti tersebut merupakan penaung Islam. Hal ini menjadi petunjuk jelas kejayaan sentimen primodial yang dibangun dan diketengahkan oleh USNO untuk mengikat kesetiaan masyarakat bumiputera Islam di Sabah sehingga membangun kesedaran bahawa parti yang berimejkan agama dan menjaga kepentingan etnik adalah pilihan terbaik. Hal ini turut dijelaskan oleh Edward Shils yang kemudiannya dikembangkan oleh Geertz sebagai "kesetiaan primodial" yang dibangunkan oleh unit politik untuk mempengaruhi masyarakat dengan tujuan memelihara ikatan primodial sedia ada (Doornbos, M.R.; 1972:267).

### **Awal Mula Politik Etnikisme USNO**

Tahap awal penglibatan USNO dalam arena politik Sabah memperlihatkan bahawa parti itu perlu menentang parti perkauman yang dilihat lebih berpengaruh berbanding USNO bagi kawasan-kawasan Pantai Barat Sabah. Parti UPKO menjadi titik awal perjuangan

politik etnik oleh USNO di peringkat PRN sepanjang tahun 1961 sehingga 1967. Parti UPKO yang dipimpin oleh Tun Fuad Stephen memiliki penyokong yang utuh berlatar belakangkan etnik KDM dan kesetiaan terhadap parti (partisanship) agak sukar untuk diruntuhkan kerana penyokong parti UPKO melihat Tun Fuad Stephen sebagai simbol penyatuan kepada masyarakat KDM yang kian merasa terancam oleh kewujudan parti USNO.

Bukti kekuatan parti UPKO sebagai ancaman awal kepada USNO dapat dilihat melalui keputusan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1963 yang memperlihatkan USNO kurang mendapat sokongan daripada masyarakat Pantai Barat dan pedalaman kerana ketika itu kawasan-kawasan tersebut lebih sinonim dipenuhi dengan masyarakat KDM.

Maka dengan melihat ini sebagai ancaman awal kepada keberlangsungan politik USNO di Sabah, antara langkah awal dan penting yang dilaksanakan untuk mengukuhkan sentimen etnik yang dibawa oleh USNO adalah untuk memberi gambaran jelas mengenai identifikasi parti (Party's Identification). Ini bermaksud parti USNO perlu dilihat sebagai parti Melayu-Islam untuk golongan bumiputera Islam dalam masa yang sama parti USNO juga perlu dilihat sebagai parti multi-etnik oleh kumpulan KDM serta bagi masyarakat Cina, parti USNO perlu digambarkan sebagai parti yang menyokong politik dan pembangunan ekonomi Cina. Hal ini dilaksanakan oleh USNO dengan tujuan dapat menunjukkan solidariti bersama parti kaum Cina di Sabah sekaligus menarik sokongan mereka untuk mengundi USNO dan SCA yang akan bertanding di bawah logo Perikatan semasa Pilihan Raya DUN 1967 dan Pilihan Raya Negeri 1967. Gambaran parti sedemikian rupa juga membolehkan masyarakat Cina tidak mempersoalkan ikatan etnik dan hanya mementingkan peluang ekonomi yang disediakan sekiranya pakatan antara USNO-SCA dapat memegang tumpuk kerajaan.

### **Pencapaian Politik Etnikisme USNO**

Di peringkat kepimpinan USNO iaitu Tun Mustapha sendiri, ideologi politik yang mendasari penubuhan USNO adalah berdasarkan prinsip perjuangan politik Melayu-Islam. Walaupun pendapat ini boleh disanggah berdasarkan matlamat, perlombagaan dan undang-undang tubuh yang dirangka oleh USNO untuk menunjukkan bahawasanya parti tersebut menyokong pempolitikan bumiputera tanpa mengira etnik.

Pernyataan bahawa perjuangan USNO berlandaskan politik Melayu Islam dapat dilihat rasionalnya melalui sokongan Tun Mustapha terhadap gagasan Malaysia yang dapat membantu Sabah untuk mengadaptasi dan memunculkan sebuah parti politik Melayu Islam yang sama seperti di Semenanjung Malaysia.

Selain itu, awal mula penubuhan USNO di Kudat juga memperlihatkan sokongan yang kuat datangnya dari bumiputera Islam yang berbangsa Bajau dan Suluk. Hal ini dapat dilihat melalui ucapan Tun Mustapha sendiri dalam *Memoir Tun Datu Mustapha: Merdeka Melalui Malaysia*:

*Saya memilih Kudat kerana hendak memudahkan kerja penubuhan itu. Selain dari Kudat itu kampung halaman saya, Kudat adalah kota bersejarah yang menjadi pusat segala kemajuan bagi Sabah sebelum kedatangan Inggeris...Oleh kerana orang-orang Kudat boleh dikatakan kebanyakannya berkeluarga dengan saya, maka tidak sukar saya mendapatkan bantuan bagi memulakan kerja-kerja USNO* (Mustapha Datu Haru; 1981:VIII).

Dengan adanya pegangan dari seorang pemimpin parti yang dapat dirasakan oleh penyokong sebagai sesuatu yang melahirkan kebersamaan sama ada dari segi matlamat mahupun tujuan, satu senario kesetiaan parti atau *partisanship* dapat ditanam dalam diri penyokong bermula dari golongan atasan iaitu mereka yang terlibat dalam penubuhan USNO dan menteri kabinet yang dilantik kerajaan USNO sehingga kepada penyokong kelas menengah dan bawahan.

Pemilihan ahli parti dan calon-calon parti yang bertanding mewakili satu kawasan untuk kerusi DUN dan Parlimen adalah perkara penting yang dilaksanakan oleh USNO yang bertujuan bukan sahaja untuk mewujudkan kesetiaan kelas bahkan dapat mewujudkan sokongan dan kesetiaan daripada masyarakat kawasan tersebut sekiranya USNO berjaya memilih calon dan ahli yang sesuai. Untuk membincangkan aspek ini, terdapat dua bahagian kawasan yang perlu diperhatikan oleh USNO dalam membangun cawangan baru USNO untuk mengambil ahli parti serta memilih calon parti dalam pilihan raya. Bahagian pertama adalah kawasan yang diketahui oleh USNO sebagai lubuk sokongan masyarakat bumiputera Islam serta beberapa peratus masyarakat KDM dan Cina. Kawasan-kawasan ini terdiri daripada Semporna, Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kudat, Tuaran, Kota

Kinabalu, Kota Belud, Labuan, Menggatal, Tamparuli, Papar dan beberapa kawasan lain. Manakala bahagian kedua adalah kawasan majoriti masyarakat KDM seperti Tambunan, Penampang, Keningau, Tenom, Kota Marudu, serta Matunggong (Kudat).

Di kawasan bahagian pertama USNO membuka cawangan dengan pesat dimana Kudat mencatatkan daerah paling banyak membuka cawangan USNO iaitu sebanyak 137 cawangan manakala daerah Kota Belud mempunyai 130 cawangan USNO. Kawasan seperti Tenom pula mencatatkan jumlah terkecil pembukaan cawangan yang disandarkan oleh latar belakang kawasan itu yang memiliki masyarakat KDM sebagai majoriti berbanding masyarakat bumiputera Islam.

Bagi kawasan yang didiami oleh kelompok masyarakat KDM, pemilihan calon yang signifikan oleh USNO dapat dilihat semasa tragedi pembubarannya yang sekaligus menyingkirkan pesaing politik terkuat USNO. Sewaktu pembubarannya, calon-calon berbangsa KDM seperti Peter Mojuntin, Ghani Gilong, Herman Luping dan Tun Fuad Stephen sendiri dipilih untuk menyertai perjuangan parti USNO. Pemilihan ini bukan sahaja dapat mengukuhkan parti USNO itu sendiri, bahkan ia juga mampu memudahkan urusan parti USNO untuk mendapat sokongan daripada kumpulan KDM khususnya di kawasan pedalaman kerana calon-calon dari parti UPKO ini amat digemari oleh masyarakat KDM.

Dalam Pilihan Raya DUN 1967, parti-parti politik yang bertanding terdiri daripada UPKO, USNO dan SCA. Namun begitu, penganalisis politik tempatan menyifatkan pilihan raya aini adalah pertandingan antara UPKO dan Perikatan. Pilihan Raya DUN 1967 menyediakan 32 kerusi untuk dipertandingkan dimana USNO dengan bantuan Persekutuan memiliki 17 kerusi, UPKO 9 kerusi dan 6 kerusi untuk SCA. Meskipun pembahagian nisbah kerusi ini dianggap oleh UPKO sebagai tidak adil kerana USNO-SCA menjalankan pakatan untuk memenangi pilihan raya tersebut, namun permohonan untuk UPKO mendapatkan 11 kerusi telah ditolak disebabkan oleh campur tangan federal yang lebih memihak kepada USNO. Kekuatan pengaruh parti USNO terhadap keputusan pembahagian kerusi jelas menunjukkan bahawa adanya matlamat yang sama antara USNO dan Persekutuan iaitu untuk memberi masyarakat Melayu-Islam di Sabah kuasa politik yang lebih berbanding kumpulan KDM yang cenderung untuk menidakkann keputusan federal.

Kempen yang dilaksanakan oleh USNO pula selain meyakinkan perjuangan parti berdasarkan etnik Melayu-Islam di Sabah, salah satu kaedah yang berkesan semasa berkempen adalah melaungkan sentimen anti-cina daripada parti UPKO. Kempen USNO ini dilaksanakan oleh Tun Mustapha atas sebab langkah UPKO yang meletakkan calonnya di kawasan Bengkoka-Banggi yang mana kawasan tersebut merupakan kubu kuat USNO yang dipegang Tun Mustapha sendiri. Kempen yang menggembarkan dakwaan bahawasanya UPKO merupakan parti anti-cina disandarkan dengan tindakan UPKO yang menutup pintu kemasukan ahli-ahli dari etnik lain termasuk etnik Cina ke dalam parti UPKO pada tahun 1966.

Keputusan Pilihan Raya 1967 kemudiannya diumumkan pada 27 April 1967 dimana kedudukan parti yang bertanding untuk 32 kerusi DUN memperlihatkan USNO berjaya memenangi 14 kerusi, UPKO berjaya meraih 12 kerusi manakala 5 kerusi dipegang oleh SCA dan 1 kerusi daripada calon bebas. Dua kerusi yang membezakan kemenangan USNO dan UPKO merupakan kerusi DUN Sulaman dan DUN Papar dimana politik etnikisme USNO berjaya ditampilkan oleh calonnya iaitu Indan Kari dan saudara kepada adik-beradik Daim yang berkempen menggunakan pengaruh imbuhan wang dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat Melayu, Brunei dan Cina.

Dalam Pilihan Raya Negeri 1971 pula, pakatan USNO-SCA telah berjaya memenangi semua kerusi tanpa bertanding. Hal ini disandarkan dengan keyakinan Tun Mustapha terhadap kuasa politik partinya yang pada ketika itu sedang berada di kemuncak oleh kerana tiada pesaing parti yang mampu menyaingi pengaruh partinya selepas UPKO telah dibubarkan. Ekoran tidak ramai calon yang tampil menentang USNO, menyebabkan hampir kesemua calon kerajaan memenangi pilihan raya secara tanpa bertanding (Muhammad Agus Yusoff; 2002:12). Peletakan calon Kadazan yang bertanding dibawah tiket USNO juga menjadikan sokongan USNO lebih meyakinkan berbanding Pilihan Raya DUN 1967. Titik tolak daripada kejayaan memenangi pilihan raya ini mengukuhkan kedudukan USNO dan Tun Mustapha serta menjayakan gagasan beliau dalam memerintah Sabah selari dengan pandangan politiknya yang mengutamakan politik keetnikan untuk memupuk kesetiaan parti terhadap perjuangannya. Dengan itu lahirlah institusi USIA (United Sabah Islamic Association) dan MUIS (Majlis Ugama Islam Sabah) yang bukan sahaja membantu mengukuhkan kedudukan Islam malahan menambah bilangan anggota penyokong parti USNO dengan cara Islamisasi.

## Kesimpulan

Pengaruh politik etnikisme USNO kian memudar menjelang awal tahun 1990 apabila parti PBS (Parti Bersatu Sabah) mula menggantikan politik etnikisme di Sabah. Kekuatan pengaruh PBS dalam berkempen khususnya pada PRN 1985 dan PRN 1986 menyebabkan USNO terpaksa akur bahawa keberkesanannya budaya politiknya hanya berpengaruh dalam kalangan bumiputera Islam.

Pertambahan masyarakat Islam di Sabah adalah bukti kejayaan politik etnikisme USNO sehingga Tun Mustapha hampir mencapai kuasa mutlak dalam konteks politik. Namun begitu, fasa pempolitikan etnik juga memiliki kejatuhan. Di tahun 1970-an, kesetiaan kelas dalam parti USNO mulai runtuh apabila beberapa ahli Majlis Tertinggi terlibat dalam perancangan penubuhan parti baru untuk menyingkirkan USNO dan dalam masa yang sama masyarakat KDM dan Cina merasakan pentadbiran dibawah USNO tidak mendatangkan faedah kepada pembangunan masyarakat. Lebih teruk lagi apabila isu-isu penyelewengan dan gaya kepimpinan Tun Mustapha dan partinya diperhangatkan dalam kempen-kempen BERJAYA (Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah) menjelang PRN 1975.

Bermula dari tahun 1975, USNO kelihatan tidak berupaya untuk bangkit semula dengan politik etniknya kerana adanya BERJAYA bersama program pembangunan masyarakat serta politik yang memperjuangkan multi-etnik. USNO ketika itu hanya berharapkan kepada sokongan utuh dari golongan bumiputera Islam Sabah yang menganggap Tun Mustapha sebagai Bapa Kemerdekaan Sabah dan penaung agama Islam.

Tuntasnya, politik di Sabah awalnya dicorak melalui sentimen keetnikan. Jurang persefahaman antara etnik dan agama dimanfaatkan oleh ahli politik untuk membentuk dua kutub sokongan yang saling bertentangan kefahaman. USNO pada era kegemilangannya telah mampu mewujudkan sokongan utuh masyarakat bumiputera Islam dan sebahagian masyarakat KDM yang memeluk agama Islam. Ikatan primodial yang wujud itu telah mengikat kesetiaan mereka untuk menyokong USNO. Maka, untuk melihat politik Sabah sepanjang zaman, hal-hal yang disebutkan dalam kajian ini perlu diteliti dan difahami untuk memberi gambaran awal mengenai literasi politik dan corak elektoral

Mohammad Aljar Najar & Afrina Shafri Khan

masyarakat Sabah yang sentiasa bersandarkan dengan kepentingan etnik.

## **Senarai Rujukan**

### **Dokumen Kerajaan dan Arkib**

- New Sabah News & Sabah Times.* (1961). 28 Disember 1961.  
Perdana Digital. (2018). *Kupasan Sejarah: Perjanjian Malaysia.* Pejabat Perdana Menteri. Edisi September 2018.  
*Sabah Times.* (1985). *It Was Mustapha Who Brought Refugees.* 18 April 1985.  
*Sabah Times.* (1985). *Kepentingan Rakyat Sabah Mesti Dipertahan.* 18 Mac 1985.

### **Buku dan Jurnal**

- A. Rahman Tang Abdullah, Pandikar Amin Mulia & Mohd Sohaimi Esa. (2022). Status Perundangan Sabah dalam Sejarah: Perubahan dalam Pembentukan Entiti Politik dalam Era Prakolonial dan Kolonial. *MANU.* Bil. 33(2): 176-192.  
Asep Nurjamanr. (2021). Tantangan Primordialisme dalam Upaya Membangun Budaya Politik Nasional. *Jurnal Satwika: Kajian Ilmu Budaya dan Perubahan Sosial.* 5(2): 368-380.  
Bruce Ross-Larson. (1976). *The Politics of Federalism: Syed Kechik in East Malaysia.* Michigan: University of Michigan.  
Coakley, J. (2018). 'Primordialism' in Nationalism Studies: Theory or Ideology?. *Nations and Nationalism.* 24(2): 327-347.  
Doornbos, M. R. (1972). Some Conceptual Problem Concerning Ethnicity in Integration Analysis. *Civilisations.* 22(2): 263-284.  
Eko Prayitno Joko, Zaini Othman & Saat Awg Damit. (2018). *Gerakan Berpesatuan Bumiputera Islam di Sabah (1938-1963).* Kota Bharu, Kelantan: Kedai Hitam Putih.  
Eko Prayitno Joko, Zaini Othman, Saat Awang Damit, & Ali Akhbar Gulasan. (2018). Sentimen Primodial dan Kesedaran Politik Dalam Pembangunan Politik Sabah: Penelitian Terhadap PRU-14. *Jurnal Kinabalu.* Edisi Khas PRU14: 79-118.  
Eko Prayitno Joko. (2022). Sejarah Lisan Dalam Historiografi Politik Sabah: Penelitian Terhadap Peristiwa Rusuhan Sabah (1985-1986). *Tesis Doktor Falsafah.* Universiti Malaysia Sabah.  
Halik, K. Zaman. (1975). BERJAYA Order Baru di Sabah. Risalah Penerangan BERJAYA. Kota Kinabalu: Pejabat Penerangan BERJAYA.

- Hamdan Aziz. (2013). Peranan USIA dalam Pendidikan, Dakwah, dan Politik di Sabah, Malaysia, 1969-1976. *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*. 1(2): 167-177.
- Hamdan Aziz. (2015). *USNO dan BERJAYA: Politik Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan Aziz. (2018). Dari Pekan Kudat ke Kota Kinabalu: Sorotan Terindah Pertubuhan USNO dan UMNO (1961-1991). Dalam. Eko Prayitno Joko. *Deskripsi Mengenai Sabah daripada Pelbagai Perspektif: Sumbangsih untuk Sabihah Osman*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Herman James Luping. (1994). *Sabah's Dilemma: The Political History of Sabah, 1960-1994*. Kuala Lumpur: Magnus Book.
- Hussain Yaakub. (1981). *Era Baru USNO*. Kuala Lumpur: Percetakan Wargagrafik Sdn.Bhd.
- Ismail Yusoff. (1997). *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- K. Ramanathan Kalimuthu. (1986). The Sabah State Elections of April 1985. *Asian Survey*. 26(7): 815-837.
- Manual Damilan, Lai Yew Meng, Maureen De Silva. (2018). Dinamika Elektoral Yang Mempengaruhi Masyarakat Dusun Kimaragang di DUN Tandek Dalam Pilihan Raya DUN Sabah Pada Era United Sabah National Organisation (USNO) dan Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA): 1967-1982. *MANU*. Bil. 27:185-198